



## 2 بيان اركان اسلام سراوق

JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK

Tingkat 14,  
Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah,  
Jalan P. Ramlee,  
93400 Kuching, Sarawak.

Tel : 082-507077/ 507707

Faks : 082-507241/ 507089/ 507085

Rujukan  
Tarikh

: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/2 ( 6 )  
: 29 Julai 2019

**Semua Pengerusi,  
Jawatankuasa Pengurusan (JKP) Masjid dan Surau,  
Seluruh Negeri Sarawak.**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

### **PEMBUKAAN AKAUN SEMASA BANK RAKYAT DAN LANGGANAN i-bizRAKYAT MELALUI PROGRAM INTEGRITI KEWANGAN MASJID (PINK)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dengan kerjasama Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) telah mengusahakan satu inisiatif baru dalam meningkatkan integriti dalam pengurusan kewangan masjid dan surau melalui platform perkhidmatan perbankan internet. Berdasarkan projek rintis yang telah dilaksanakan didapati terhasil beberapa impak positif seperti berikut :

- i. JAIS bertindak sebagai *viewer* boleh memantau secara *online* transaksi perbankan masjid serta memohon penjelasan daripada Jawatankuasa Pengurusan (JKP) sekiranya terdapat transaksi yang abnormal
- ii. JKP boleh melaksanakan transaksi secara *online* dengan ciri-ciri keselamatan, tanpa masalah tiada penandatanganan jika menggunakan cek
- iii. Pengurusan yang lebih telus, yang mana semua JKP boleh menyemak akaun secara *online* (dengan akses sebagai *viewer*) bukan Bendahari, Pengerusi dan Setiausaha sahaja.
- iv. Bendahari boleh membuat laporan kewangan masjid/surau yang dijana secara *online*

3. Sehubungan itu, Jabatan Agama Islam Sarawak memberi sokongan semua JKP Masjid/Surau untuk memutuskan atas keperluan masing-masing seperti berikut :

- a. Masjid/Surau dikehendaki memberi kebenaran sebagai *viewer* akaun kepada pegawai yang dipilih MIS/JAIS
- b. Masjid/Surau yang mempunyai akaun simpanan Bank Rakyat (jika masih ada) menukar akaun sedia ada ke akaun semasa Bank Rakyat serta melanggan i-bizRakyat;
- c. Masjid/Surau yang mempunyai akaun semasa Bank Rakyat hendaklah melanggan i-bizRakyat;
- d. Masjid/Surau yang ingin membuka akaun semasa Bank Rakyat dan melanggan i-bizRakyat dan dikehendaki menutup akaun bank lain yang sedia ada (selaras dengan Klausa 8.1.1 Prosedur Kewangan Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak, 2004 (pindaan 2008/2009) yang memperuntukkan JKP hanya dibenarkan membuka satu akaun sahaja)

e. Sekiranya masjid/surau ingin mengekalkan akaun bank sedia ada, akaun berkenaan hendaklah dijadikan akaun ke 2 yang akan berfungsi sebagai akaun terimaan sahaja serta hendaklah dipastikan mempunyai kemudahan derma/inafaq online melalui QR, e-wallet dan lain-lain, manakala akaun semasa Bank Rakyat akan dijadikan akaun utama untuk transaksi pembayaran. Pihak JKP hendaklah memohon secara rasmi untuk kelulusan penggunaan dua (2) akaun berkenaan kepada JAIS.

4. Bersama ini disertakan tawaran oleh pihak Bank Rakyat bagi masjid/surau yang berminat melalui surat bernombor rujukan : 9/WILSWK/2018/JAIS/CASA bertarikh 17 Jun 2019 untuk rujukan pihak Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan.

5. Di atas kerjasama dan perhatian Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan berbilang terima kasih.

Sekian, *Wassalam*.

**"ISLAM AMALAN HIDUP"**  
**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**



**[HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM]**  
Pengarah  
Jabatan Agama Islam Sarawak

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| s.k | 1. Pengarah Wilayah Sabah & Sarawak Bank Rakyat | } | pihak tuan boleh membuat promosi ke masjid/surau bagi melaksanakan kempen ini                       |
|     | 2. Ketua Wilayah Sarawak Bank Rakyat            |   |   |
|     | 3. Semua Pegawai Agama Islam Bahagian           | } | Mohon kerjasama tuan memanjangkan surat ini kepada semua masjid dan surau di bahagian masing-masing |

*Urus Setia : Bahagian Kemajuan Institusi Masjid, JAIS (082-507197)*



Bank Pilihan Anda

Rujukan Kami : 9/WILSWK/2018/JAIS/CASA  
Tarikh : 17 Jun 2019 (13 Syawal 1440H)

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Sarawak  
Aras 7 Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah  
Lorong P. Ramlee Off Jalan P. Ramlee  
93400 Kuching  
Sarawak  
(u.p : Ustaz Khalifah bin Juli)

Tuan,

**EDARAN MAKLUMAN TAWARAN KOLABORASI PEMBUKAAN AKAUN SEMASA MASJID/SURAU DI BANK RAKYAT MELALUI PROGRAM INTEGRITI KEWANGAN (PINK)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

Terlebih dahulu kami ingin merakamkan penghargaan diatas dokongan yang telah diberikan selama ini khususnya pada kerjasama (collaboration) yang bakal dilaksanakan diantara pihak Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) bersama Bank Rakyat menerusi Program Integriti Kewangan Masjid (PINK). Sesungguhnya ini sebagai tanda kesungguhan kami ingin bersama membantu pihak kerajaan negeri khususnya JAIS dalam menjayakan hasrat murni kearah pengurusan telus serta berintegriti dalam kalangan masyarakat.

Bagi menjayakan hasrat tersebut melalui inisiatif PINK ini, pihak kami bersetuju untuk menawarkan Akaun Semasa beserta tawaran langganan Perkhidmatan Perbankan Internet Korporat Bank Rakyat (i-bizRAKYAT) secara eksklusif kepada semua Masjid / Surau yang terlibat dibawah seliaan JAIS.

Antara kelebihan yang ditawarkan adalah seperti berikut :-

1. Pengecualian Syarat *Introducer* dalam proses pembukaan Akaun Semasa
2. Deposit pembukaan akaun sebanyak RM100 berbanding syarat biasa RM1,000
3. Pendaftaran perbankan internet korporat PERCUMA bagi yang tidak memerlukan TOKEN
4. Tiada yuran bulanan bagi perbankan internet yang dilanggan
5. Akses untuk memasukkan catatan bagi setiap transaksi perbankan internet bagi memudahkan pelaporan kewangan masjid
6. Penyata akaun yang boleh diperolehi bila-bila masa tanpa perlu menunggu penyata bulanan.
7. Urusan perbankan boleh dilaksanakan melalui "Surat Kebenaran" bagi Masjid/Surau yang belum mahir menggunakan perbankan internet (Format Khas akan disediakan oleh pihak Bank Rakyat)
8. Pemberian Hibah (keuntungan) adalah berdasarkan budibicara pihak bank (kadar tidak dinyatakan atas keperluan pematuhan Syariah).
9. Draf minit mesyuarat untuk keperluan pembukaan akaun semasa & langgan perbankan internet korporat disediakan sebagai panduan Masjid/Surau

Bank Rakyat

Pejabat Wilayah Sarawak

Tingkat 3, Sublot 9 & 10 Lot 427, Blok 16 KCLD, Jalan Tun Jugah, 93350 Kuching

Tel: 082-463378, Faks: 03-22645301



Bank Pilihan Anda

Untuk maklumat pihak tuan Bank Rakyat di Wilayah Sarawak mempunyai 14 Cawangan dan 1 Cawangan Mini seperti berikut yang berada diseluruh Bahagian Negeri Sarawak yang akan memudahkan pihak Masjid / Surau hadir berurusan:-

Bil	Cawangan	Alamat Cawangan Bank Rakyat - Sarawak
1	Satok	Jalan Kulas Tengah, Kuching
2	Matang Jaya	Taman Lee Ling Commercial Centre, Kuching
3	Simpang Tiga	Jalan Tun Jugah, Kuching
4	Kota Padawan	10th Mile Commercial Centre, Jalan Kuching-Serian
5	Kota Samarahan	Uni Capital Commercial Centre, Kuching/Kota Samarahan Express Way
6	Serian	Tingkat Bawah, Louis Junction Batu 39, Jalan Kuching-Serian
7	Sri Aman	Jalan Hospital, Sri Aman
8	Sarikei	Lorong Tun Razak 1, Sarikei
9	Sibu	Jalan Kampung Dato, Sibu
10	Kapit	Wisma Ngieng Ping Toh, Kapit
11	Mukah	Mukah New Township, Extention Phase II
12	Bintulu	Commerce Square, Jalan Tun Ahmad Zaidi, Bintulu
13	Miri	Bangunan Tabung Baitulmal Sarawak Commercial Centre, Miri
14	Permyjaya	Pusat Bandar Fasa 6, Bandar Baru Permy Jaya, Miri
15	Limbang	Limbang Town District, Jalan Pandaruan, Limbang

Semoga usaha ini akan diberkati dan mendapat sokongan dari semua pihak. Kerjasama yang telah dan bakal diberikan amat dihargai dan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

AZMAN BIN ABD AZIZ  
Ketua Wilayah Sarawak

MOHAMAD SHIBLIE BIN ABG SAPUAN  
Pengarah Wilayah Sabah & Sarawak